

TNB akan pasang meter pintar ke seluruh Melaka akhir 2016

KUALA LUMPUR 20 Dis. - Tenaga Nasional Bhd (TNB) akan memperluaskan pemasangan meter pintar di seluruh Melaka menjelang akhir 2016, selari dengan Pelan Tindakan Bandaraya Hijau kerajaan negeri itu.

Projek Perintis Pemasangan Meter Pintar telah bermula di Melaka dan Putrajaya, masing-masing pada penghujung 2014 dan Mac

2015, yang bertujuan memahami teknologi, peraturan dan cabaran pengguna, kata TNB dalam satu kenyataan hari ini.

Bagi Negeri Melaka, meter untuk projek perintis telah siap dipasang pada Mac 2015 melibatkan 800 pengguna di Taman Tasek Utama, MITC.

Manakala di Putrajaya, pemasangan meter di ba-

wah projek perintis dijangka siap dipasang sepenuhnya pada Januari 2016 dengan melibatkan 200 pengguna.

Pengurus Besar Negeri (Melaka), Bahagian Pembahagian TNB, Datuk Baderul Sham Saad berkata, projek perintis tersebut menggunakan teknologi terkini untuk mengoptimumkan sistem pembekalan elektrik

yang secara tidak langsung akan memberi kesan positif terhadap alam sekitar.

Melalui Web Portal Meter Pintar, 800 pengguna program perintis di Melaka yang mendaftar akan boleh melihat data penggunaan tenaga elektrik mereka, kos elektrik dan impak terhadap alam sekitar.

“Justeru pengguna boleh membuat pemantauan ter-

hadap penggunaan elektrik di premis masing-masing dan ia juga boleh membantu pengguna dalam mengamalkan kecekapan tenaga elektrik dalam aspek kehidupan harian mereka,” katanya.

Projek itu mendapat pembiayaan RM9 juta daripada Akaun Amanah Elektrik Malaysia serta Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. - BERNAMA